

Khidmat komuniti UTHM bantu tingkat motivasi pelajar

ERAT SILATURAHIM. Seramai 100 pelajar tingkatan lima dan enam Sekolah Menengah Kebangsaan Tun Ismail Parit Raja, Johor menyertai program anjuran Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) bersama komuniti baru-baru ini.

Pensyarah Kursus Pengurusan Diri UTHM, Mohd. Hilmi Izwan Abd. Rahim berkata, program 'Train Your Dragon' itu bertujuan meningkatkan semangat pelajar untuk lebih belajar bersungguh-sungguh dan mencapai cita-cita mereka selain memperkenalkan UTHM dengan lebih dekat.

"Kita juga ingin meningkatkan hubungan di antara universiti dan masyarakat serta memberi sumbangan khidmat komuniti kepada masyarakat setempat.

"Selain itu, program sebegini juga mampu untuk membuka peluang kepada universiti dan masyarakat untuk lebih erat khususnya dalam jalinan kerjasama serta persaudaraan," ujarnya.

SEBAHAGIAN daripada 100 pelajar SMK Tun Ismail Parit Raja bergambar kenangan ketika menyertai program anjuran UTHM bersama komuniti di Johor baru-baru ini.

